

helo Kampus

UTUSAN MALAYSIA ISNIN 4 MAC 2013

Oleh NORIIZAN ABDUL MUHID
kampus@utusan.com.my

JIKA anda masih ingat pada tahun lalu, Jabatan Biologi Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjalin kerjasama dengan Coca-Cola (Malaysia) menganjurkan program Minggu Kesedaran Kitar Semula bertujuan memupuk budaya kitar semula dalam kalangan pelajar dan kakitangan UPM.

Projek unik UPM, Coca-Cola



UKM jadi pilihan Mexico

muka 20

Baru-baru ini, kerjasama yang sama diteruskan dengan kali ini mencipta satu projek unik dipanggil Berbasikal Demi Mengitar Semula yang menggalakkan mahasiswa mengitar semula, mengurangkan pelepasan karbon dan menjalani gaya hidup aktif.

Projek itu dikatakan unik malah dianggap 'seumpamanya' di negara ini adalah kerana bertujuan menggalakkan mahasiswa mengitar semula botol minuman dan tin aluminium sebagai pertukaran untuk berbasikal di kampus.

Mahasiswa yang menyertai program itu boleh mengitar semula botol minuman kosong dan tin aluminium untuk mengumpul mata yang boleh diguna untuk menyewa basikal.

Botol dan tin aluminium tersebut akan dijual kepada pusat kitar semula dan hasil jualan akan dilaburkan semula ke dalam program tersebut bagi membolehkannya ia dijalankan secara berterusan pada masa depan.

Menurut Naib Canselor UPM, **Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan**, kesedaran penjagaan alam sekitar perlu disemai secara menyeluruh dalam kalangan mahasiswa agar ia dapat dijadikan satu perkara kebiasaan seperti dipraktikkan di kalangan negara-negara maju.

"Budaya kitar semula dan menjaga kepentingan alam sekitar harus dijadikan satu budaya dan harus dititikberatkan terutama kepada generasi muda yang memerlukan pemahaman lebih mendalam.

"Ini merupakan sumbangan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan secara bersama bagi memastikan alam

Mengitar semula botol minuman, tin aluminium sebagai pertukaran berbasikal di kampus



SEBAHAGIAN pelajar dan pensyarah yang menyertai berbasikal sempena kempen kitar semula di UPM Serdang baru-baru ini.



DR. MOHD. Fauzi Ramlan (dua dari kiri) bersama Gill McLaren (kanan) memasukkan bekas minuman ke dalam tong sebagai gimik perasmian kempen kitar semula di UPM Serdang baru-baru ini.

kita sentiasa bersih dan indah,” katanya sewaktu berucap pada taklimat Berbasikal Demi Mengitar Semula UPM dan Coca-Cola Malaysia di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Menurut beliau, peringkat awal pelaksanaan program itu menekankan kesedaran yang menyeluruh dalam kalangan pelajar terhadap keberkesanan program itu bagi membolehkan matlamat menjadikan kawasan kampus sebagai zon berbasikal sekali gus mengurangkan pelepasan karbon.

Ujarnya, dengan permulaan 200 basikal, program itu akan diperluaskan dengan menambah lebih banyak kemudahan basikal untuk pelajar yang terlibat secara aktif dan menyumbang kepada program tersebut.

Sementara itu, Pengurus Besar The Coca-Cola Company rantau Malaysia-Singapura-Brunei, Gill McLaren berkata, projek itu sejajar dengan komitmen Coca-Cola untuk membina

masyarakat mampan melalui pemuliharaan dan penjagaan alam sekitar.

Menurutnya, UPM menerima geran berjumlah RM750,000 daripada Yaysan Coca-Cola untuk menjalankan projek itu yang akan berlangsung untuk tempoh permulaan selama dua tahun.

Ujar beliau, pembiayaan tersebut meliputi basikal dan peralatan, pusat kitar semula, bahan projek dan pelaksanaan keseluruhan projek berkenaan.

Sertai kami

facebook

Helo Kampus

e-mel: kampus@utusan.com.my